



Aku & Buku

Editors:
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



Aku & Buku

**Editor:**

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

Penerbit:

UiTM Cawangan Kedah

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

eISBN: 978-967-2948-81-0

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

Editor:

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



Kandungan

Tajuk	Muka Surat
Kata Pengantar	
Kata Aluan	
Pendahuluan	
1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditendang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.


Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.


Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Selamat membaca.

Ketua Editor,
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai





Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

Unit Penerbitan

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah
Nurfarisya Hafiz
Berlian Nur Morat
Nor Asni Syahriza Abu Hassan
Syakirah Mohammed
Hajjah Sharina Saad
Mas Aida Abd Rahim
Syazliyi Ibrahim
Abdul Majeed Ahmad

Penyunting

Berlian Nur Morat

Pereka Layout & Grafik

Asrol Hasan



Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



Dirimu Sentiasa Ada!

Siti Zafrina Mohd Zahari

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka

Aku mengenali buku ketika usiaku sedari kanak-kanak lantaran ahli keluargaku yang meminati bahan bacaan. Sebagai contoh terdapat rak buku yang mengandungi pelbagai bahan bacaan milik ibuku di rumah terutamanya topik keagamaan seperti ibadat haji dan umrah, bab solat dan lain-lain. Aku selalu melihat ibuku membaca beberapa buku pada waktu lapang. Ibu akan duduk secara santai di kerusi dan adakalanya setelah usai solat dalam keadaan bertelekung di tikar sejadah. Sehingga kini, ibu gemar ke kedai buku untuk menambah koleksi bahan bacaan walaupun telah berusia 70-an. Apabila aku menziarahi ibubapaku, ibu akan bercerita tentang bahan bacaan yang dibaca dan gemar menghadiahkan buku-buku bersaiz mini kepada ahli keluarga. Akhirnya diriku tidak dapat menahan perasaan ingin meminjam beberapa bahan bacaan milik ibuku kerana koleksi buku itu disusun persis susunan di perpustakaan. Tersipu malu diriku apabila melafazkan ayat kepada ibu; “Mak...nak pinjam buku, boleh?” Buku-buku ini menjadi rujukan ketika melakukan tugas kuliah dan penulisan ilmiah sehingga kini. Sementara itu, kakakku pula amat meminati buku bertajuk ‘*Chicken Soup for the Soul*’. Pada mulanya aku beranggapan buku tersebut adalah mengenai resipi masakan kerana perkataan ‘*Chicken Soup*’ tersebut, namun ternyata tanggapanku salah kerana buku itu mengandungi pelbagai kisah hidup masyarakat yang dikumpul dan disusun menjadi bahan bacaan agar menjadi pengajaran dan inspirasi hidup. Walaupun agak ringkas, namun pengisiannya sangat bermanfaat dan santai untuk difahami oleh semua golongan.

Ketika di alam persekolahan, aku sangat tertarik untuk pergi ke pusat sumber. Bahan bacaan yang kupilih antaranya adalah berbahasa Inggeris seperti “*Charlie and The Chocolate Factory*” kerana mempunyai latar belakang penceritaan yang sangat unik dan berwarna-warni. Buku yang bertemakan animasi ini mengandungi banyak pengajaran yang sesuai dengan usiaku pada waktu itu. Penceritaannya berunsurkan kekeluargaan dan alam fantasi yang dialami oleh seorang kanak-kanak yang sangat daif dan serba kekurangan. Namun dengan sifat kebaikan dan ketaatan kepada keluarga, kanak-kanak tersebut diberikan pengalaman hidup yang sangat luar biasa. Aku berasa sangat teruja apabila buku itu diadaptasikan dalam bentuk filem hampir satu dekad selepas itu dan dipaparkan di kaca televisyen. Lakonan Johnny Depp yang memegang watak ‘Willy Wonka’ dan Freddie Highmore sebagai kanak-kanak ternyata mengembalikan memoriku ketika membaca buku tersebut. Masih kuingat lagi lukisan animasi yang dipaparkan dalam beberapa halaman dan serta keseronokan membacanya.

Setelah menamatkan alam persekolahan, aku mendapat tawaran bekerja sambil di salah sebuah badan kerajaan sementara menunggu tawaran belajar di universiti. Gaji bulanan pertama hasil penat lelahku bekerja membuatku teruja untuk membeli buku baharu!. Buku tersebut ialah ‘*Membina Hati Bahagia*’ hasil nukilan H.M.Tuah Iskandar yang berbentuk motivasi. Aku berasa sangat terkesan kerana bait-bait penulisan yang sangat santai berjaya memikat hatiku untuk terus memiliki buku motivasi seperti ini. Buku tersebut mengandungi pelbagai siri dan menjadi koleksi simpanan peribadiku. Aku sedar rupanya bahan bacaan berbentuk motivasi ini membuat diriku mendapat suatu dorongan dan semangat dalam kehidupan. Antara buku berunsur motivasi yang lain seperti ‘*The 7 Habits of Highly Effective*

People, *'First Things First*', *'How to Stop Worrying and Start Living*', *'The Power of Habit*' dan pelbagai lagi. Selain itu, karya Aion Mohd yang bertemakan membina peribadi seperti *'Seni Berfikir*', *'Seni Bercakap-cakap dan Berbual-bual*' dan *'Lead Like Muhammad: Teknik Mendorong Perubahan Tingkah Laku*' ternyata memberi kekuatan dan keyakinan dalam hidup.

Seterusnya, kehidupan sewaktu di alam universiti menyaksikan suatu fasa percambahan ilmu yang sungguh bermakna sehingga membina perwatakan dan kerjaya hidupku. Bidang yang menjadi pilihanku adalah sejarah dan tamadun Islam. Maka bahan-bahan bacaanku menjadi lebih pelbagai dengan karya tokoh-tokoh dan ilmuan Islam mahupun Barat sama ada dari dalam dan luar negara. Buku-buku ilmiah tersebut terdiri daripada zaman awal dan moden sehingga ada yang kelihatan agak usang kerana usia buku tersebut. Antaranya seperti *'The World of Islamic Civilization*', *'Sejarah Umat Islam*', *'Pengembaraan Ibn Battuta*', *'Mukaddimah Ibn Khaldun*' dan sebagainya. Sebagai contoh, buku *'Mukaddimah Ibn Khaldun*' terbitan serta terjemahan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) merupakan buku rujukan yang pertama kubeli dan memiliki 880 halaman! Ilmu sejarah Islam menambahkan lagi ilmu pengetahuan terutama mengenai sejarah ketamadunan serta aspek pendidikan pada zaman sebelum kedatangan Islam sehingga kini. Antara yang kuingati melalui pembacaanku berkaitan sejarah Islam melalui karya Ibn Khaldun, seorang tokoh ilmuan berkaitan ketamadunan dan sejarah pendidikan pada zaman kerajaan Bani Umayyah dan Abbasiyah. Terdapat pemerintah Islam yang sangat mengagungkan aspek ilmu sehingga memiliki hampir ratusan ribu buku di perpustakaan peribadi miliknya! Malah perpustakaan pada waktu itu banyak dibangunkan kerana pada zaman tersebut merupakan fasa kegemilangan keilmuan Islam. Tidak dapat kugambarkan suasana masyarakat dan pemerintah yang mencintai ilmu pada waktu itu.

Pada waktu ini, aku mula mengalami beberapa perkara baharu dalam kehidupanku. Sebagai contoh, aku mula belajar bahasa Inggeris dengan memilih beberapa novel seperti kisah pengembaraan dan karya fiksi seperti *'Life of Pi*' dan kisah penyiasatan Nancy Drew. Hasil karya penulis serta peguam, John Grisham adalah sangat menggagumkan sehingga aku kerap merujuk kamus dwibahasa bagi setiap perkataan yang asing. Halaman buku tersebut akan kutampal dengan helaian kertas yang mengandungi maksud perkataan dalam bahasa Melayu sehingga buku tersebut menjadi tebal dek kerana tampalan kecil terjemahan mini tersebut. Secara tidak langsung, tindakan tersebut berjaya membantu diriku mahir dalam bahasa Inggeris. Selain itu, aku pernah mengalami saat-saat kesedihan sewaktu sesi kuliah berlangsung. Sewaktu mencari bahan tugas di perpustakaan, aku terjumpa buku bertajuk *'La Tahzan*' yang bermaksud 'Jangan Bersedih' daripada hasil karya Dr. 'Aidh Al-Qarni. Dalam kesedihan, aku menyelak helaian demi helaian dan tanpa kusedari, air mataku mengalir ke pipi. Ayat-ayat nukilan penulis membuatkan diriku menjadi sebak kerana beberapa kenyataan yang disampaikan seperti *'banyak mengingati nikmat Allah SWT berbanding kesulitan hidup yang dialami*' dan *'apa yang dialami hanyalah kecil berbanding nikmat yang diberi oleh Allah SWT kepada kita*'. Lama-kelamaan perasaan sedih yang kualami bertukar menjadi tenang dan muncul sedikit kekuatan dalam hidupku. Begitulah impak pembacaan buku yang sangat kuingati sehingga kini.

Seterusnya pada awal tahun 2020, aku mengalami masalah kesihatan sehingga terpaksa berehat dalam tempoh yang agak lama. Keadaan diriku pada waktu itu memberi kesan yang serius sehingga diriku memohon untuk bercuti tanpa gaji hampir dua bulan. Aku banyak berehat di katil dan agak sukar untuk bercakap dan berfikir kerana kesan pembedahan di bahagian rongga hidung dan turut memberi kesan pada bahagian kepala. Keadaan ini membuatkan rutin harianku sedikit terjejas. Aku merasakan diriku seolah-olah dalam fasa 'bukan diriku'. Ibuku banyak memberi semangat untukku bersabar dan menerima dugaan dengan penuh keredhaan. Pada suatu hari semasa diriku masih dalam fasa pemulihan di rumah, aku terlihat susunan bahan bacaan di rak buku milik peribadiku. Tahap pemikiranku masih lagi belum pulih sepenuhnya, namun kuambil salah sebuah buku dan mula membaca satu halaman. Kemudian aku tidak dapat meneruskan pembacaan kerana berasa kurang

selesa. Suatu perasaan yang sangat asing bagiku namun aku merelakan keadaan itu. Keesokan harinya, aku mencuba lagi untuk membaca buku dan sehinggalah hari-hari berikutnya aku berjaya menambah beberapa halaman. Rupa-rupanya tindakan membaca bahan bacaan ini menjadikan pemikiranku bertambah baik. Aktiviti membaca ini seolah-olah menjadi terapi secara semulajadi kerana aspek fizikal dan minda bergerak secara aktif walaupun hanya seketika sahaja. Akhirnya diriku kembali seperti sedia kala dan aku bersyukur dengan nikmat kesihatan dan keupayaan untuk berfikir yang diberi oleh Allah SWT kepadaku.

Kini aku telah pun berkeluarga dan bahan bacaanku beralih pula ke arah keagamaan serta kekeluargaan seperti '*Biografi Muhammad bin Abdullah*', '*Bukan Begini Sikap Rasulullah*', '*Lillah Sebelum Lelah*', '*Rahsia Pasangan Bahagia dan Membahagiakan*', '*Anakku Hebat, Anakku Soleh*', '*Buku Pink 1.0, 2.0, 3.0*', '*The 10 Habits of Happy Mothers*', dan pelbagai lagi. Semasa mengalami fasa kehamilan, pelbagai bahan bacaan berada di sisiku. Aku akan membaca beberapa halaman agar bayi dalam kandungan mendapat manfaat daripada pembacaanku. Ternyata kehidupanku diuji dengan kehadiran anak sulongku yang didiagnos sebagai autisme. Ilmu pengetahuanku tentang autisme sangat sedikit dan sekali lagi bahan bacaan menjadi temanku. Aku berpeluang membaca beberapa buku seperti '*Aku Bersyukur Anakku Autisme*', '*Rahsia dan Keunikan Personaliti Kanak-kanak Autisme di Malaysia*', '*Panduan Lengkap Ibubapa dengan Kanak-kanak Autisme*', '*Bahasa dan Kanak-kanak Autisme*' dan '*Panduan Lengkap Ibu bapa Menangani Tantrum*'. Sedikit sebanyak aku dapat memahami perwatakan anakku kerana yang sangat berbeza berbanding kanak-kanak yang lain. Kini anak sulongku telah dewasa namun sangat meminati bahan bacaan animasi 'Upin dan Ipin' seperti '*Geng Pengembaraan Bermula..*' dan mempunyai enam siri koleksi terbitan Les' Copaque yang lain serta buku mewarna yang pelbagai. Anakku akan terus ke sudut buku setiap kali kami sekeluarga ke pusat membeli belah sehingga aku tidak berkesempatan memilih barang keperluan! Aduhai anakku...

Selanjutnya aku mempunyai impian untuk melanjutkan pengajian ke peringkat PhD. Lantaran itu, aku telah pun memiliki beberapa bahan bacaan yang memuatkan pelbagai pengalaman serta teknik menghasilkan tesis dengan berkesan. Antaranya buku yang berjudul '*Tulis Tesis dengan Cepat*', '*Jom Tulis Tesis*', '*Menawan Puncak PhD*', '*PhD: Catatan Perjalanan Sebuah Universiti Kehidupan*' dan lain-lain. Aku sangat teruja dengan pelbagai buku yang dapat memberikan semangat dan dorongan lantaran gambaran tentang tahap pengajian tinggi ini dikatakan penuh dengan cabaran dan dugaan. Mudah-mudahan perjalanan dalam menimba ilmu ini dapat dipermudahkan serta dilapangkan segala urusan oleh Nya.

Apa yang pasti, di antara tempat-tempat yang menjadi kenanganku ketika memperolehi pelbagai bahan bacaan sepanjang hidupku adalah seperti di perpustakaan universiti, kedai-kedai buku berhampiran serta Pesta Buku Antarabangsa yang diadakan secara tahunan di Kuala Lumpur. Memori membawa buku-buku rujukan hampir 20 buah buku ketika berada di dalam komuter yang bergerak dari Kuala Lumpur sehingga ke rumah ibu bapaku di Klang tidak mungkin kulupakan. Hampir sejam perjalanan dengan ruang tempat duduk yang padat dengan penumpang menyebabkan aku terpaksa berdiri sambil menahan timbunan beberapa buku di bahagian sisi kepala kerusi penumpang lain. Mujur tiada bahan bacaan yang hilang atau jatuh sepanjang perjalanan yang sangat mendebarkan! Paling kurisau apabila keadaan menjadi kurang stabil semasa dalam komuter sedang bergerak dan buku-buku tersebut menimpa mana-mana penumpang komuter berkenaan! Mujur tiada apa-apa yang berlaku. Adakalanya aku ketawa kecil mengenangkan kembali betapa gigihnya diriku membawa kesemua bahan bacaan tersebut!

Begitu juga memori sewaktu berada di Pesta Buku Antarabangsa yang pernah kuhadiri bersama teman baik semasa zaman persekolahan lagi. Keseronokan kami dapat bersama-sama ke pesta buku pada waktu itu menyebabkan berlaku kesilapan semasa menaiki komuter. Dengan penuh keyakinan kami menaiki komuter yang berada di hadapan kami tanpa melihat

ke mana destinasinya. Akhirnya kami sedar ada sesuatu yang tidak kena setelah nama-nama stesen yang dilintasi agak berlainan sama sekali dengan destinasi menuju ke rumah masing-masing. Lantas kami terus berhenti di stesen yang berhampiran untuk menukar komuter yang berada di laluan yang bersebelahan. Kami tidak dapat menahan ketawa kerana kecuaiannya yang kami alami tidak dapat disedari oleh sesiapa pun di antara kami. Barangkali kami hanya mahu pastikan plastik yang mengandungi buku-buku yang dibeli di Pesta Buku selamat digenggam kemas kerana keadaan gerabak yang sangat padat dengan penumpang. Tidak mengapalah tersilap komuter berbanding kehilangan buku-buku yang sempat kami peroleh kerana bukan mudah untuk kami berkumpul dan mendapatkan bahan bacaan di situ. Sehingga kini, pesta buku tersebut akan dilawati mengikut keadaan semasa walaupun lokasiku kini di Pantai Timur. Aku akan membeli seberapa banyak yang mungkin kerana tawaran harga yang sangat berpatutan dan terdapat pelbagai jenis buku daripada pelbagai syarikat percetakan. Aku berasa sangat teruja setiap kali tiba di sana kerana sekiranya ada kesempatan dapat berpeluang berjumpa dengan penulis buku. Pada pendapatku, tempat tersebut ibarat 'syurga' bagi pencinta buku seperti kerana peluang sedemikian hanya sekali setahun diadakan. Sejak itu, koleksi bahan bacaanku akan bertambah kerana ada sahaja bahan bacaan yang baru menarik perhatianku untuk dimiliki.

Semoga penulisan hasil karya cendekiawan dan karyawan di dalam dan luar negara dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan pelbagai golongan kerana tanpa ilmu siapalah manusia.. Akhir kata, buku-buku ini sentiasa berada disisiku sejak dari kecil sehingga meniti usia. Oh buku....Indahnya hidupku kerana dirimu sentiasa ada!



Aku & Buku

2025

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810